

Pendebat USIM buktikan kebolehan



MUHAMAD IKMAL JAMALUDDIN

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 24 Feb. - Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) jurusan Syariah dan Undang-Undang membuktikan mereka mampu menjadi pendebat dalam bidang yang berbeza.

Itu dicapai apabila pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) universiti berkenaan menyampaikan hujah dalam bidang teknologi dan kejuruteraan dalam Pertandingan Debat Teknologi Kejuruteraan anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 20 hingga 22 Februari lalu.

Pendebat USIM yang diwakili Muhamad Ikmal Jamaluddin, 20; Ahmad Farouq Ahmad Fuad, 20; Lily Norliyana Noor Azman, 21, dan Nor Mawaddah Nor Azli, 20, berjaya melangkah ke pertandingan akhir bertemu pendebat Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) yang diadakan di Dewan Astaka UMP.

Bertindak sebagai pembangkang, usul yang dibahaskan adalah *Sudah Tiba Masanya Stesen Minyak Diganti Dengan Stesen Pengecas Kereta Elektrik* berlangsung sengit dan menarik, biarpun keputusan tidak memihak kepada USIM.

Bagaimanapun Muhamad Ikmal menerima pengiktirafan apabila dipilih sebagai Pendebat Terbaik Keseluruhan daripada 48 pendebat yang menyertai pertandingan itu. USIM diumumkan sebagai Naib Johan pada pertandingan berkenaan.

Kata Muhamad Ikmal, kejayaan itu akan menjadi perangsang kepada rakan-rakannya untuk menjadi pendebat yang baik pada masa hadapan.

"Persiapan pasukan sepanjang cuti semester untuk pertandingan itu berbaloi kerana kami hanyalah pendebat pelapis USIM.

"Sekurang-kurangnya pengalaman itu akan meningkatkan motivasi pasukan untuk berhadapan Pertandingan Debat DiRaja yang akan diadakan pada Mei nanti," kata Muhamad Ikmal di Nilai, dekat sini hari ini.

Sebanyak 12 pasukan menyertai pertandingan tersebut mewakili pelbagai universiti antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Jengka, Pahang dan Dungun Terengganu; Management Science University (MSU); Universiti Malaysia Pahang (UMP); Universiti Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) selain USIM.

Pertandingan Debat Teknologi Kejuruteraan yang julung kalinya diadakan di UMP itu memilih pelbagai usul yang membincangkan isu semasa teknologi kejuruteraan.

Tema itu dipilih bersesuaian dengan peranan UMP sendiri sebagai institusi pengajian tinggi yang mengangkat ilmu tentang teknologi kejuruteraan.

UNISZA selaku johan menerima hadiah wang tunai RM2,000 dan sijil penghargaan manakala USIM menerima hadiah wang tunai RM700 dan sijil penghargaan.